



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

JUMAAT, 1 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

1/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|------------|
| 1 | WOMEN'S MINISTRY OPEN TO SUGGESTIONS, VIEWS FROM ALL | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/11/984730/womens-ministry-open-suggestions-views-all | NST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|--------------------|
| 2 | ISM LAKSANA 31 PROGRAM KEJURULATIHAN ANTIGANGGUAN SEKSUAL SETAKAT INI - NANCY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ism-laksana-31-program-kejurulatihan-antigangguan-seksual-setakat-ini-nancy-448265 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2249829 | BERNAMA.COM |
| | https://thesun.my/local/nancy-ism-implements-31-anti-sexual-harassment-training-programmes-OJ11814138 | THESUN.MY |
| | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2249834 | BERNAMA.COM |
| | https://selangorjournal.my/2023/11/ism-implements-anti-sexual-harassment-training-programmes/ | SELANGORJOURNAL.MY |
| | https://tvstv.my/2023/11/30/ism-laksana-31-program-kejurulatihan-antigangguan-seksual-setakat-ini-nancy/ | TVSTV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|----------------|
| 3 | INTERESTING ACTIVITIES, SERVICES AT ONE YEAR WITH MADANI GOVT PROGRAMME | |
| | https://thesun.my/local/interesting-activities-services-at-one-year-with-madani-govt-programme-FJ11813161 | THESUN.MY |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/30/interesting-activities-services-at-one-year-with-madani-govt-programme | THESTAR.COM.MY |



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

1/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|--------------------|
| 4 | JKM SELAMATKAN WANITA BERSAMA ANAK TINGGAL DI JEJANTAS | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1035824/jkm-selamatkan-wanita-bersama-anak-tinggal-di-jejantas | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/637403/berita/semasa/tak-mampu-bayar-sewa-rumah-tiga-beranak-tinggal-di-jejantas | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|-------------------------|
| 5 | DITINGGALKAN DI PONDOK PENGAWAL: 4 BERADIK DITEMPATKAN DI RUMAH PERLINDUNGAN HINGGA UMUR 18 TAHUN | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1183789/ditinggalkan-di-pondok-pengawal-4-beradik-ditempatkan-di-rumah | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/30/4-beradik-ke-rumah-perlindungan-hingga-usia-18-tahun-kata-exco/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1035835/4-beradik-ditempatkan-di-rumah-perlindungan-hingga-usia-18-tahun | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/474305 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |
| | https://thesun.my/cerita/exco-empat-beradik-ditinggalkan-di-pondok-pengawal-ditempatkan-di-rumah-perlindungan-FJ11813053 | THESUN.MY |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/11/985065/perak-exco-abandoned-siblings-placed-shelter-until-they-turn-18 | NST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|---------------|
| 6 | 5 PROGRAM UNTUK PENERIMA BANTUAN JKM | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1035645/5-program-untuk-penerima-bantuan-jkm | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2249556 | BERNAMA.COM |



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

1/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|------------------|
| 7 | PAWE BAHARU DI DUN SUNGAI RAMBAI | |
| | https://www.melakahariini.my/pawe-baharu-di-dun-sungai-rambai/ | MELAKAHARIINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|---------------|
| 8 | JKM SUDAH BANTU KELUARGA OKU DIAMI RUMAH USANG DI CHANGKAT JERING | |
| | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/11/1035714/jkm-sudah-bantu-keluarga-oku-diami-rumah-usang-di-changkat-jering | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|---------------------|
| 9 | KELUARGA KECEWA JKM TOLAK PERMOHONAN BANTUAN | |
| | https://malaysiapost.com.my/2023/11/30/keluarga-kecewa-jkm-tolak-permohonan-bantuan/ | MALAYSIAPOST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|----------------|
| 10 | MOF PERUNTUK RM11 JUTA TAMBAH BAIK PPS - ARMIZAN | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mof-peruntuk-rm11-juta-tambah-baik-pps-armizan-448159 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/mof-salur-rm11-juta-kepada-jkm-tambah-baik-persiapan-pps-x8q38ug | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=MrrLVJdN9IU | YOUTUBE |



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

1/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|------------------|
| 11 | GALAK PENGUSAHA TASKA, PUSAT JAGAAN TAMPIL BERDAFTAR | |
| | https://www.melakahariini.my/galak-pengusaha-taska-pusat-jagaan-tampil-berdaftar/ | MELAKAHARIINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|-----------------------|
| 12 | PELAJAR PEREMPUAN TINGKATAN 2 DISYAKI BUANG BAYI | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1035586/pelajar-perempuan-tingkatan-2-disyaki-buang-bayi | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1183499/pelajar-perempuan-tingkatan-2-ditahan-kes-buang-bayi | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/30/disyaki-buang-bayi-pelajar-tingkatan-2-ditahan/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://tvstv.my/2023/11/30/remaja-14-tahun-ditangkap-berkaitan-kes-buang-bayi/ | TVSTV.MY |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/30/remaja-14-tahun-ditangkap-dipercayai-ibu-kepada-bayi-yang-dijumpai-di-bbs | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/remaja-15-tahun-ditahan-kes-buang-bayi-di-sawah-padi | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/30/remaja-perempuan-ditahan-kes-jumpa-bayi-tepi-sawah/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1035786/remaja-perempuan-ditahan-susulan-penemuan-bayi-di-tapak-pembinaan-jambatan | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=a-oKrsjo3KM | YOUTUBE |



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

1/12/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|----------------|
| 13 | WANITA DIPENJARA KERANA MENDERA KANAK-KANAK | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1183629/wanita-dipenjara-kerana-mendera-kanak-kanak | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|-----|---|--------------|
| 14 | EMOSI TERGANGGU PUNCA SINDROM LUPA ANAK | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/30/emosi-terganggu-punca-sindrom-lupa-anak/ | KOSMO.COM.MY |



Women's ministry open to suggestions, views from all

By Hana Naz Harun, Qistina Sallehuddin - November 30, 2023 @ 10:36am



Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri. -NSTP FILE/HAIRUL ANUAR RAHIM

KUALA LUMPUR: The Women, Family and Community Development Ministry is open to suggestions and views put forth by any parties that could improve its services to the community.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri said this was as long as the suggestions and views did not contravene with the Federal Constitution or values practised by Malaysian society.

"The ministry is always open to receive opinions, complaints or suggestions from various parties, regardless of individuals, registered non-governmental organisations (NGO) and representatives of the ministry's target groups.

"These views can further contribute to improving our service to the people, so long that they do not contravene with the constitution, laws and values practised by the society," she said in a parliamentary written reply on Wednesday.

Nancy said this in response to Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang) on whether the ministry still considered the women's rights group, Sisters in Islam (SIS) as a strategic partner to the ministry.

Siti Zailah also enquired on whether the ministry still consulted the NGO for views given its 'problematic' status.

However, the written reply did not confirm or deny whether the ministry still engages with SIS as a strategic partner.


SIS is currently on its final bid to quash a fatwa issued by the Selangor religious authorities which [labelled the group as deviants](#) at the Federal Court.

The women's rights group and one of its co-founders, Zainah Mahfoozah Anwar, had applied on April 14 this year, seeking to get leave from the Federal Court to appeal against the Court of Appeal's dismissal of its challenge against the fatwa.

This comes after the appellate court dismissed SIS Forum's appeal to quash the fatwa in March, this year.

In 2019, SIS Forum pursued an appeal against the Court of Appeal after their judicial review was dismissed by the High Court on Aug 27, 2019.

The fatwa, gazetted by the Selangor government on July 31, 2014, had declared that SIS Forum, any individual or group that adopted the deviant ideologies of liberalism and pluralism, were deviating from the Islamic teachings.



ISM laksana 31 Program Kejurulatihan Antigangguan Seksual setakat ini - Nancy

Bernama

November 30, 2023 22:04 MYT



Nancy berkata pelaksanaan bengkel itu turut mendapat kerjasama pelbagai pihak seperti jabatan dan agensi kerajaan peringkat Persekutuan, negeri, PBT serta badan bukan kerajaan, sukarelawan dan komuniti di seluruh negara. - Gambar fail/BERNAMA

KUALA LUMPUR: Institut Sosial Malaysia (ISM) setakat ini telah melaksanakan 31 Program Kejurulatihan Antigangguan Seksual bagi memberi kefahaman dan kesedaran mengenai kepentingan Akta Antigangguan Seksual (AAGS).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata program yang dilaksanakan melalui bengkel, dialog awam dan seminar itu melibatkan 1,570 peserta dari seluruh negara untuk dilatih menjadi ejen menyebarkan pengetahuan dan kesedaran berkaitan gangguan seksual kepada masyarakat.

Beliau berkata pelaksanaan bengkel itu turut mendapat kerjasama pelbagai pihak seperti jabatan dan agensi kerajaan peringkat Persekutuan, negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta badan bukan kerajaan, sukarelawan dan komuniti di seluruh negara.

"ISM juga telah menjalin kerjasama di peringkat antarabangsa dengan Australian Institute of Social Relations (AISR) di Adelaide, Australia yang telah menerima penyertaan empat pegawai ISM bagi meningkatkan kapasiti modal insan warga kerja.

"ISM merupakan agensi Kerajaan pertama di dunia yang menyertai latihan di AISR yang berlangsung pada 22 hingga 28 Okt 2023 yang lalu, syabas saya ucapkan," katanya pada Majlis Apresiasi Semurni Usaha Bersama Rakan Strategik Institut Sosial Malaysia hari ini.

Menurutnya bagi tahun depan, ISM akan menggiatkan lagi usaha untuk melebarkan jaringan kolaborasi strategik di peringkat antarabangsa khususnya dengan beberapa institusi pendidikan dan latihan di peringkat rantau Asia Tenggara atau ASEAN.


Sementara itu, Nancy berkata beliau mengalu-alukan jalinan kerjasama strategik antara ISM iaitu agensi di bawah kementeriannya dengan jabatan, agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan kerana ia menggalakkan interaksi dan mengukuhkan jaringan.

"Ia juga bertujuan untuk membantu dalam pembangunan dan peningkatan dasar, peranan, fungsi, misi dan visi ISM khususnya untuk jangka panjang. Kerjasama ini amatlah penting bukan sahaja untuk kejayaan program kementerian, tetapi untuk menggalakkan kepelbagaian pihak dalam membuat keputusan dan merancang masa depan KPWKM," katanya.



Interesting activities, services at one year with Madani Govt programme

30-11-2023 07:18 PM



BERNAMApix

KUALA LUMPUR: Various activities and services will be offered by the relevant ministries and agencies to visitors in conjunction with the 'One Year with the MADANI Government' programme in the compound of the Bukit Jalil National Stadium from this Dec 8 to 10.

Director of the Strategic Planning Section, Performance Acceleration and Coordination Unit (PACU) at the Prime Minister's Office, Syarina Kassim (*pix*) said visitors would have the opportunity to get free dental check-ups and treatment from the Health Ministry (MOH).

Also available will be reproductive cancer and mammogram screening by the Ministry of Women, Family and Community Development, she added.

She said there will also be services offered by the National Registration Department and the Road Transport Department.

"For those looking for jobs, there is a career carnival and so far, 70 companies have expressed their willingness to participate in the programme," she said in an interview with Bernama Radio at Wisma Bernama here today.

According to Syarina, there will also be booths to cater for children, like e-sports and football games, as well as the screening of the film *Malbatt: Misi Bakara*.


She said an exhibition to display the various government assets would also be held, involving the participation of the Ministry of Defence, the Civil Defence Force and the Fire and Rescue Department.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, who is scheduled to attend the closing ceremony on Dec 10, will also hold a dialogue with visitors.

This is an opportunity for the people to interact with him in a more relaxed atmosphere," she added.

In addition to the sale of products by local entrepreneurs, she said, there would also be lucky draws offering attractive prizes, with the main prize a house.

Other prizes include motorcycles, televisions and home furnishings, she added. -
Bernama



JKM selamatkan wanita bersama anak tinggal di jejjantas

Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my



PASANGAN menghuni di jejjantas di Skudai di sini diselamatkan JKM hari ini. FOTO tular.

Johor Bahru: "Sudah enam hari kami tinggal di sini". Begitulah kata-kata seorang wanita ketika diselamatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selepas ditemukan menghuni di jejjantas di Skudai di sini bersama teman lelaki dan dua cahaya mata.

Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Johor Bahru, Adnan Md Yassin berkata wanita berkenaan yang dikenali sebagai Milah berusia 39 tahun mendakwa dia dan teman lelaki yang ingin mencari kerja di Johor Bahru terpaksa tinggal di jejjantas kerana tidak mampu untuk menyewa bilik atau rumah.

Beliau berkata, sebelum ini mereka mendakwa tinggal di Manjung, Perak.

"Mereka ditemukan bersama dua orang anak lelaki berusia setahun dan dua tahun.

"Wanita berkenaan menyatakan memiliki bapa angkat di Kampung Dato' Sulaiman Menteri namun mengambil keputusan untuk tinggal di jejjantas.

"Dia itu juga menyatakan sudah mencari bilik sewa di kawasan berdekatan namun tidak memiliki wang untuk membayar sewa," katanya.

Adnan berkata, pelindung JKM juga hadir ke bilik sewa yang terletak di Taman Ungku Tun Aminah (TUTA) dan bertemu dengan pemilik bilik sewa.

"Pemilik berkenaan menyatakan mengenali wanita berkenaan dan menyatakan sebelum ini ibu kandung pernah menyewa bilik.

"Bantuan Segera RM300 disalurkan kepada keluarga berkenaan bagi menampung kos sewa menyewa bilik sewa itu memandangkan keluarga ini dilihat mempunyai masalah dari segi kewangan," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Skudai, Marina Ibrahim berkata, pihaknya menerima maklumat berkaitan keluarga berkenaan daripada orang awam sebelum menyalurkan kepada JKM.

Menurutnya, pihaknya berterima kasih atas maklumat orang ramai serta tindakan JKM dalam usaha menyelamatkan keluarga berkenaan.



Ditinggalkan di pondok pengawal: 4 beradik ditempatkan di rumah perlindungan hingga umur 18 tahun

November 30, 2023 @ 10:58pm



BAGAN SERAI: Empat beradik yang dipercayai **ditinggalkan di pondok pengawal** Kompleks Pentadbiran Daerah Perak Tengah, dekat Kampung Gajah, baru-baru ini, telah ditetapkan oleh mahkamah untuk ditempatkan di rumah perlindungan hingga masing-masing berusia 18 tahun.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Salbiah Mohamed, berkata sekiranya terdapat mana-mana pihak berminat mengambil kanak-kanak itu menjadi anak angkat, mereka perlu melalui proses ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Perlu ikut prosedur dan JKJ juga tidak sewenang-wenang memberikan kanak-kanak itu kepada keluarga yang boleh merosakkan kehidupan mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Jelajah Usahawan dan Koperasi Perak, di sini, hari ini.

Pada Khamis minggu lalu, empat beradik itu membabitkan kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun, kanak-kanak perempuan berumur enam tahun, serta dua adik lelaki mereka masing-masing berusia tiga tahun dan 10 bulan, ditemui di pondok pengawal berkenaan dipercayai ditinggalkan bersama bungkusan plastik yang hanya berisi susu serta lampin pakai buang.

Semalam, Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendan Hafezul Helmi Hamzah, dipetik berkata pihaknya **menahan seorang lelaki dan wanita** dipercayai adalah ibu bapa kanak-kanak berkenaan, di dua lokasi berbeza serta dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Perak Tengah untuk siasatan lanjut.

Sementara itu dalam perkembangan lain, Salbiah berkata, kerajaan negeri telah meminta pihak berwajib pada peringkat daerah untuk meneliti bantuan tambahan yang boleh diberikan kepada tiga beranak Orang Kurang Upaya (OKU) yang mendiami rumah usang di Changkat Jering, Taiping.

Beliau berkata, ia sedikit sebanyak mampu mengurangkan bebanan dan membantu keluarga berkenaan untuk menjalani kehidupan harian dengan lebih selesa.

"Pada peringkat daerah, kita ada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah yang membabitkan beberapa pihak, termasuk pejabat penghulu, yang melihat perkara seumpama ini.

"Saya fikir keutamaan keluarga ini lebih kepada memerlukan kediaman yang selesa untuk didiami. Mungkin isu ini boleh diteliti, termasuk bantuan-bantuan lain yang difikirkan sesuai," katanya.

Setakat ini, Salbiah berkata, JKJ telah membantu keluarga itu dengan bantuan berjumlah RM450 sebulan meliputi bantuan am serta bantuan pendidikan khas.

Terdahulu, tular dalam media sosial kisah kehidupan sebuah keluarga OKU lembam terdiri daripada pasangan suami isteri dan seorang anak mendiami sebuah rumah usang di Changkat Jering. –

BERNAMA



GAMBAR hiasan/fail. Warga emas yang menerima vaksin menunggu giliran pendaftaran ketika pada program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di Rumah Seri Kenangan Cheng, Taman Cheng Perdana. Foto: MR. Azli

PAWE baharu di DUN Sungai Rambai



SITI SALEHAH
KHAMIS, 30 NOVEMBER 2023 @ 20:35

AYER KEROH 30 November – Sebuah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang baharu akan dibina di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Rambai.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Noordin berkata, usaha itu adalah antara persediaan Negeri Melaka ke arah negara menua menjelang 2030.

Katanya, inisiatif Kerajaan Negeri Menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) itu juga adalah hasil permohonan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Sambai Siti Faizah Abd Aziz.

“Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mengimarahkan warga emas dengan menubuhkan PAWE. Setakat ini enam PAWE beroperasi di Melaka iaitu tiga di Melaka Tengah, dua di Alor Gajah dan satu lagi di Jasin.

“PAWE keenam di DUN Taboh Naning baharu sahaja beroperasi, kemudahan ini menyediakan pelbagai aktiviti termasuk riadah, rekreasi dan pemulihan untuk warga emas,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Low Chee Leong (PH-Kota Laksamana) pada Persidangan Ketiga (Bajet), Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Yang Kelima Belas, di sini, hari ini.

Menurutnya, Kerajaan Negeri bersama JKJ sentiasa turun padang bagi menyantuni dan turut terbabit sama dalam aktiviti anjuran PAWE.

Kalsom berkata, menerusi pendekatan itu pihaknya secara tidak langsung dapat menyantuni dan memberi sokongan kepada warga emas yang mengharungi hari tua.

“Persekitaran PAWE turut diberikan perhatian, premis ini sentiasa diperindahkan dan dilengkapi dengan keperluan sesuai dengan kehendak warga emas, kita mahu berikan kehidupan terbaik buat mereka.

“Malah kita juga dalam perancangan untuk membina rumah jagaan bagi menempatkan warga emas mengikut agama, sekali gus memberikan keselesaan dan memudahkan mereka ini melakukan aktiviti harian,” katanya.



JKM sudah bantu keluarga OKU diami rumah usang di Changkat Jering

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
am@hmetro.com



Datuk Salbiah Mohamed

Bagan Serai: Kisah kehidupan tiga beranak orang kurang upaya (OKU) yang mendiami rumah usang di Changkat Jering, Taiping sudah diambil tindakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak Datuk Salbiah Mohamed berkata, hasil tinjauan pihaknya mendapati pasangan suami isteri dan anak mereka sebenarnya sudah menerima bantuan am daripada JKJ di mana mereka menerima bantuan bulanan RM300 dan bantuan pendidikan khas RM150 sebulan.

Menurutnya, pihak JKJ sudah memainkan peranan mereka dalam membantu keluarga ini.

"Berhubung isu tular, pihak JKJ sekali lagi turun ke lokasi bagi melihat apa bentuk keperluan yang diperlukan dan jika kita lihat isu yang dibangkitkan adalah penginapan.

"Sebenarnya kita ada mesyuarat tindakan daerah dan dari situ pihak berkenaan perlu melihat semula adakah keluarga ini berdaftar dengan E-Kasih atau tidak atau mereka ini bukanlah orang tempatan dan baru sahaja berpindah ke situ.

"Kadang-kala orang yang tular kisah mereka ini sebenarnya tidak mendapatkan maklumat sebenar daripada pentadbiran daerah dan terus memuat naik ke laman sosial," katanya ditemui media selepas merasmikan Program Jelajah Usahawan dan Koperasi Negeri Perak di Dewan Dato Zainal Abidin Zin di sini, pagi hari ini.

Menurutnya, kes seumpama itu pernah berlaku di kawasannya sendiri apabila dilaporkan satu keluarga menginap di kebun getah, namun apabila diperiksa keluarga berkenaan bukanlah penduduk tempatan dan baru sebulan tinggal di lokasi terbabit.


Terdahulu, tular di media sosial satu keluarga OKU dipercayai lembam terdiri dari pasangan suami isteri dan anak mereka menginap di sebuah rumah usang di Changkat Jering.

Dalam perkembangan lain, Salbiah menegaskan empat beradik yang ditinggalkan keluarga sudah mendapat perintah mahkamah mengikut Akta Perlindungan kanak-kanak dan ditempatkan di rumah perlindungan sehingga berusia 18 tahun.

Menurutnya, kanak-kanak berkenaan tidak akan diserahkan kepada keluarga mereka atau dan sekiranya ada yang beminat untuk mengambil mereka menjadi anak angkat mereka perlu melalui proses JKJ.

Katanya, pihaknya tidak sevenang-wenangny akan memberikan kanak-kanak itu kepada keluarga yang boleh merosakkan kehidupan mereka.

Diarkikan pada: November 30, 2023 @ 2:25pm



Keluarga kecewa JKM tolak permohonan bantuan

RESAM HIDUP 30/7/2023 by Admin 3 min. read

SEBUAH keluarga berdepan kesempitan hidup hingga sering kali menjadikan nasi goreng kosong sebagai sajian mereka.

Kesukaran itu dilalui Zarina Abdul Aziz, 52, dan suami, Afandi Tahir, 53 bersama ibu dan lima anaknya yang menetap di FELDA Bukit Coh dekat Kuantan.

Zarina berkata, kepayahan hidup ditemphi sejak tujuh lalu, selepas ibunya, Rafeah Yun, 77, tidak mempunyai keupayaan untuk menjaga diri sendiri selepas menghidap penyakit demensia atau nyanyuk.



Dia mengakui tidak boleh bekerja kerana perlu menguruskan ibunya dan kehidupan mereka sekeluarga bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suami yang bekerja sebagai pengawal keselamatan.

"Saya ada dua anak yang bekerja, kalau hendak minta tolong, mereka bukan gaji besar pun, cukup untuk mereka sahaja.

"Jadi, pendapatan suami yang tidak seberapa itulah kami guna untuk belanja harian.

"Terus terang cakap (dalam) dua tiga hari ini kami makan nasi goreng sahaja, janji ada beras," katanya ketika ditemui di rumahnya di FELDA Bukit Coh, dekat sini Kuantan.

Anak bongsu daripada tiga beradik itu mengakui dengan pendapatan suami sebanyak RM1,500 sebulan tidak cukup untuk menanggung perbelanjaan mereka.

"Sebulan mak perlukan 12 hingga 14 bungkus lampin pakai buang dan serta 30 tin susu pekat manis.

"Kalau minum susu formula mak akan (alami) cirit-birit.

"Dari dulu sampai sekarang memang dia minum susu pekat dan kalau saya tidak bagi kesan pula.

"Kalau saya bagi oat atau pun air masak mak enggan minum," katanya yang turut memaklumkan ibunya pernah koma empat hari kerana pendarahan di kepala akibat terjatuh di bilik air tujuh tahun lalu.

Sementara itu, Afandi mengakui kecewa apabila Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kerana menolak permohonan bantuan untuk ibu mentuanya itu.



"Kelmarin, (Selasa) saya dapat surat jawapan daripada jabatan berkenaan, saya tanya kenapa terlalu lama untuk membuat keputusan tentang permohonan saya dari tahun 2022 sampailah bulan 11 (November) tahun ini baru dapat jawapan.

"Tapi jawapan pula agak mengecewakan sayalah kerana mak mentua saya tidak layak menerima bantuan atas alasan komitmen saya tinggi," katanya.

Dia bagaimanapun memaklumkan ibu mentuanya memperoleh bantuan zakat sebanyak RM300, namun jumlah itu tidak mencukupi.

Afandi mengakui pernah ketiadaan wang dan terpaksa meminjam daripada kenalan terdekat.


"Sentiasa lalui (ketiadaan wang), jadi terpaksa pinjaman dengan kawan dan bayar ansur-ansur.

"Bila tiada duit, memang terpaksa ikat perut.

"Orang tengok dari zahirnya nampak macam mewah, tapi zahir itu sahaja.

"Rumah besar, ada kereta, tidak semesti kami ada wang itu semua adalah keperluan," jelasnya.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyumbang ke akaun Maybank 156094331958 atas nama Zarina.— Malaysiapost



MoF peruntuk RM11 juta tambah baik PPS - Armizan

Hasimi Muhamad
November 30, 2023 11:20 MYT



Armizan berkata peruntukan tersebut melibatkan 13 negeri dan tiga Wilayah Persekutuan - Foto fail/BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kementerian Kewangan (MoF) menyalurkan peruntukan berjumlah RM11 juta kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi menambahbaik persiapan di pusat pemindahan sementara (PPS) pada Monsun Timur Laut (MTL) 2023/2024.

Memberitahu Dewan Rakyat, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali berkata peruntukan tersebut melibatkan 13 negeri dan tiga Wilayah Persekutuan.

Selain itu, beliau memaklumkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) turut menyalurkan peruntukan berjumlah RM741,780 kepada JKJ termasuk bagi tujuan peruntukan pengurusan pengoperasian bencana.

"NADMA juga memperuntukkan sejumlah RM10 juta bagi pelaksanaan projek-projek kecil baik pulih dan naik taraf untuk dilaksanakan di PPS secara berperingkat khususnya memperbaiki prasarana seperti kemudahan tandas," katanya di Dewan Rakyat pada Khamis.

Beliau menjawab soalan Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang) yang bertanyakan Perdana Menteri berhubung langkah diambil kerajaan bagi memastikan kebajikan mangsa banjir di PPS.

Jelas beliau, JKJ menyediakan 8,481 PPS melibatkan sekolah (5,063), balairaya dan dewan (2,457), masjid dan surau (572), dan pusat komuniti (389) yang mempunyai kapasiti untuk menempatkan 1,620,855 mangsa di seluruh negara.

Katanya lagi, dalam memastikan penyediaan makanan dan keperluan lain, JKJ turut melantik 868 pembekal barang keperluan asas melibatkan 218 pembekal berskala besar dan 650 pembekal berskala kecil.

Armizan menambah, setakat ini, sejumlah RM2 juta peruntukan telah disalurkan kepada JKJ bagi penyediaan makanan retort.

Dalam perkembangan sama, Armizan memaklumkan secara kumulatif sejak MTL 2023/2024 bermula pada 11 Nov lalu, seramai 7,684 mangsa daripada 1,976 keluarga telah ditempatkan di 49 PPS meliputi 12 daerah di negeri Kedah, Kelantan, Perlis, Selangor serta Terengganu.

Menjawab soalan tambahan Siti Zailah mengenai apakah usaha untuk meningkatkan keupayaan dan daya tahan negara pula, Armizan berkata kerajaan dalam proses menggubal Dasar Pengurusan Risiko Bencana dan mempertimbangkan untuk mewujudkan satu akta khusus dalam usaha meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana seperti banjir pada masa depan.

Selain itu, pihaknya juga melakukan semakan kepada Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) 19 dan MKN 20, kata beliau.

Berhubung Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) Armizan berkata, proses perolehan projek rintis itu melibatkan sembilan negeri dijangka dapat dimuktamadkan dalam suku pertama tahun depan bagi memastikan projek berkenaan dapat disiapkan segera.

Ujarnya lagi, NADMA memperuntukkan RM45 juta, di mana projek rintis itu akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).



GAMBAR fail/hiasan. Pengerusi Persatuan Tadika Islam Cawangan Melaka (PERTIM), Suhaili Othman beramah mesra bersama kanak-kanak ketika melakukan tinjauan di Tadika Sinarku Gemilang, Taman Perkota, Peringgit. Foto Iqmal Haqim Rosman

Galak pengusaha taska, pusat jagaan tampil berdaftar



SITI SALEHAH
KHAMIS, 30 NOVEMBER 2023 @ 15:30

AYER KEROH 30 November – Pelbagai inisiatif dan pendekatan diambil Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi menggalakkan pengusaha premis pusat jagaan kanak-kanak dan warga emas swasta untuk tampil berdaftar sekali gus beroperasi secara sah.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Noordin berkata, tindakan pengusaha premis untuk berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) itu perlu bagi memastikan mutu perkhidmatan yang mereka tawarkan terjamin dan berada dalam keadaan baik.

Katanya, antara program dan aktiviti yang diadakan oleh JKJ adalah mengadakan sesi libat urus diantara pemilik pusat jagaan tidak berdaftar bersama agensi teknikal.

“Selain itu, mengadakan mesyuarat ‘One Stop Centre’ JKJ bersama dengan agensi teknikal, menganjurkan Program Jom Daftar dan Kempen Jom Daftar dengan membuat hebahkan melalui media sosial termasuklah menguatkuasakan tindakan penguatkuasaan keatas pusat jagaan untuk mendaftar.


“Setiap kali apabila kita mendapat aduan mengenai sesuatu kejadian yang berlaku di pusat jagaan atau taska JKJ akan turun dan mengambil tindakan segera iaitu lak premis terbabit,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pengkalan Batu berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (BN-Lendu) pada Persidangan Ketiga (Bajet), Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Yang Kelima Belas, hari ini.

Menurut beliau, sehingga 31 Oktober 2023 terdapat sebanyak 61 pusat jagaan kanak-kanak swasta berdaftar di negeri ini membabitkan 59 adalah jenis pusat jagaan harian manakala dua lagi adalah berkediaman dan daerah Melaka Tengah merekodkan bilangan terbanyak dengan 50 premis.

“Ia kemudian diikuti dengan Alor Gajah dengan mempunyai tujuh pusat jagaan kanak-kanak swasta berdaftar dan di Jasin mempunyai hanya empat premis yang berdaftar.

“Manakala bagi pusat jagaan warga emas swasta berdaftar pula, di seluruh Melaka terdapat sebanyak 22 premis membabitkan 21 adalah jenis berkediaman dan sebuah lagi pusat harian,” katanya.



Emosi terganggu punca sindrom lupa anak

Oleh ZURAINI BINI MOHD KHALID 30 November 2023, 9:10 am



Boleh dikatakan hampir setiap tahun, berlaku kes kanak-kanak ditinggalkan dalam kereta tanpa pengawasan, sama ada secara sengaja mahupun tidak.

Malah, bagi kes yang teruk, sindrom yang dipanggil 'sindrom lupa anak' itu menyebabkan kematian, dan ibu bapa atau penjaga boleh disabit kesalahan memandangkan tindakan tersebut merupakan satu bentuk pengabaian.

Bagi kes-kes tertinggal anak tanpa sengaja, ramai yang marah dan mempersoalkan bagaimana seorang ibu atau bapa itu boleh terlupa atau tidak sedar bahawa anak mereka ada bersama mereka di dalam kenderaan, lalu membiarkan mereka sehingga berjam-jam lamanya.

Menurut Pengarah Bahagian Pembangunan Psikologi, Jabatan Pembangunan Wanita, Dr. Raja Kamariah Raja Mohd. Khalid, banyak faktor yang boleh menyebabkan perkara tersebut berlaku kerana ia melibatkan gangguan pada fungsi otak.

"Otak berfungsi secara multitask yang mana ia boleh buat banyak perkara pada satu-satu masa, namun kita juga perlu faham bahawa ada satu sistem yang dipanggil habit brain system pada otak.

"Habit brain system merujuk kepada perkara yang dibuat secara berulang-ulang dan sudah menjadi rutin dan lazimnya dibuat secara automatik," ujarnya baru-baru ini.

Raja Kamariah menambah, biarpun sudah menjadi satu tabiat, sistem otak itu tadi boleh terganggu diakibatkan oleh beberapa faktor luaran, yang seterusnya menyebabkan otak menjadi lupa.

"Sebagai contoh, ibu bapa mengalami gangguan emosi pada waktu pagi akibat pelbagai faktor seperti pertengkaran kecil dengan pasangan, atau pun mungkin lebih mengutamakan dan memikirkan soal kerja selepas menerima panggilan telefon daripada majikan.

"Perkara itu tadi akan mengganggu fungsi otak ibu bapa, dan seterusnya menyebabkan otak yang pada mulanya sudah ingat itu, malah boleh menjadi lupa," ujarnya.

Katanya, sesiapa sahaja boleh mengalami gangguan pada fungsi otak, yang seterusnya boleh mengakibatkan kelaianan dan juga kecuaiian.

Selain itu, Raja Kamariah juga berkongsi bahawa perubahan rutin turut memberi kesan dan menjadi punca kepada sindrom lupa anak.

"Sebagai contoh, kebiasaannya si bapa yang akan menghantar anak ke taska setiap hari, namun akibat masalah atau kecemasan tertentu, maka rutin menghantar anak itu diserahkan kepada si ibu.


"Perubahan rutin yang berlaku itu boleh menjadikan si ibu menjadi alpa atau tidak sedar bahawa anak sedang berada di dalam kereta bersamanya," katanya.

Kurangnya kesedaran terhadap risiko sesuatu perkara itu juga menjadi sebab perkara ini terus berlaku.

Justeru, sebagai langkah pencegahan, beliau mengingatkan orang ramai terutama ibu bapa untuk sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga.

"Sekiranya anda seorang individu jenis visual, maka pastikan barang mainan atau botol susu anak misalnya, berada pada kedudukan yang mudah untuk dilihat di dalam kereta supaya anda sedar bahawa anak sedang ada bersama anda.

"Ini boleh membantu kita supaya sentiasa peka dan mengelak daripada perkara ini terus berulang," katanya.



TAJUK : GURU DIDAKWA LAKU AMANG SEKSUAL TERHADAP TIGA MURID LELAKI

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 1 DIS 2023

M/SURAT : 17

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Guru didakwa laku amang seksual terhadap tiga murid lelaki

Muar: Seorang guru didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas lima pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap tiga murid lelaki di perpustakaan sebuah sekolah agama di Tangkak pada 2019 dan 2020.

Mohd Fauzi Musa, 35, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik saja semua pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa melakukan amang seksual terhadap seorang murid lelaki yang ketika itu berusia 10 tahun di dalam perpustakaan sekolah terbabit pada jam 4 petang 2 Januari 2020.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, tertuduh didakwa melakukan perkara sama terhadap seorang lagi murid lelaki yang ketika itu berusia 11 tahun, pada Oktober 2019 dan Januari 2020.

Bagi pertuduhan keempat dan kelima pula, dia didakwa melakukan perkara sama terhadap murid lelaki lain yang ketika itu berusia 11 tahun, pada jam 3 dan 4 petang antara November 2019 dan 2 Januari 2020 di tempat sama.

Bagi semua pertuduhan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang dibaca bersama Seksyen 16 (1) akta sama dengan hukuman penjara hingga 20 tahun dan juga sebatan, jika sabit kesalahan.

Jika sabit kesalahan bawah Seksyen 16 akta itu pula, boleh dihukum penjara lima tahun dan boleh dikenakan sebatan tidak kurang dua kali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Daniah Mumir, manakala tertuduh tiada diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon mahkamah tidak membenarkan tertuduh diikat jamin kerana pertuduhan kesalahan serius yang membabitkan mangsa adalah muridnya.

Bagaimanapun, tertuduh memohon mahkamah memberikan ikat jamin paling rendah memandangkan perlu menanggung tiga anak berusia satu hingga enam tahun.

Selepas mendengar hujahan pihak pendakwaan serta rayuan tertuduh, mahkamah membenarkan ikat jamin RM10,000 bagi semua pertuduhan.

Mahkamah juga menetapkan tertuduh perlu melapor diri di Balai Polis Sungai Mati setiap bulan dan tidak boleh berhubung atau mengganggu mangsa hingga kes selesai.

Kes akan disebut semula pada 16 Januari depan untuk lantikan peguam serta serahan dokumen.



TAJUK : DITAHAN BUANG BAYI DALAM SEMAK

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 1 DIS 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ditahan buang bayi dalam semak

Kuching: Seorang pelajar perempuan tingkatan dua ditahan polis selepas dipercayai membuang bayi di dalam semak berhampiran kawasan perumahan di Lorong 19 Cahaya Damai, Bandar Baru Samarang, di sini.

Ketua Polis Daerah Kuching, Asisten Komisioner Ahsmon Bajah berkata, pihaknya berjaya mengesan dan menahan remaja perempuan berusia 14 tahun itu di kawasan Matang pada jam 8 malam kelmarin.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya,” katanya semalam.

Terdahulu, Ahsmon berkata, pihaknya dimaklumkan berhubung penemuan bayi perempuan itu dari-

pada orang awam kira-kira jam 9 pagi kelmarin.


Susulan itu pihaknya segera ke lokasi kejadian bagi menyelamatkan bayi yang masih hidup itu.

“Bayi terbabit dibawa ke Hospital Umum Sarawak untuk pemeriksaan lanjut dan akan dirujuk ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk tindakan lanjut,” katanya.

Sementara, video penemuan bayi terbabit turut tular di media sosial menunjukkan bayi itu masih hidup dan bertali pusat.

Difahamkan bayi itu ditemui dalam beg plastik selepas penduduk mendengar tangisannya.

Seorang wanita kelihatan memegang dan membawa bayi itu ke sebuah kedai makan berhampiran, dengan orang ramai yang prihatin membantu membersihkannya.



TAJUK : JKM SEDIAKAN 8,481 PPS BERDEPAN BENCANA BANJIR

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 1 DIS 2023

M/SURAT : 16

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kuala Lumpur: Seramai 7,684 mangsa banjir daripada 1,976 keluarga secara kumulatif ditempatkan di 49 pusat pemindahan sementara (PPS) sejak Monsun Timur Laut (MTL) 2023/2024 bermula 11 November lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) Datuk Armizan Mohd Ali berkata, penempatan di PPS meliputi 12 daerah di Kedah, Kelantan, Perlis, Selangor dan Terengganu.

Beliau berkata, sehingga semalam sebanyak 123 keluarga membabitkan seramai 426 mangsa masih di-

JKM sediakan 8,481 PPS berdepan bencana banjir

tempatkan di lima PPS.

"Lima PPS ini di empat daerah meliputi Kelantan seramai 317 mangsa, Terengganu (22 mangsa) dan Pahang (87 mangsa)," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan **Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang)** mengenai situasi terkini bencana banjir yang sedang melanda negara dan langkah segera kerajaan memastikan kebajikan mangsa terjaga di PPS.

Mengulas mengenai

langkah segera kerajaan, **Armizan** berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan 8,481 PPS membabitkan 5,063 sekolah, balai raya atau dewan (2,457), masjid atau surau (572) dan pusat komuniti (389).

Katanya, PPS mempunyai kapasiti bagi menempatkan 1,620,855 mangsa di seluruh negara.

Beliau berkata, JKM juga melantik 868 pembekal barang keperluan asas bagi memastikan penyediaan makanan dan keperluan lain.



ARMIZAN

"Terdapat 1,224 pembekal makanan di seluruh negara sebagai persedi-

aan menghadapi bencana tahun ini. Pihak JKM juga memaksimumkan 774 fasiliti penyimpanan bantuan bencana di seluruh negara mulai September dan Oktober 2023," katanya.

Selain penyediaan makanan bermasak katanya, antara penambahbaikan yang dilaksanakan ialah penyediaan makanan *retort* sebagai persiapan bagi tempoh 24 jam pertama mangsa tiba di PPS yang boleh diedarkan serentak sekiranya makanan bermasak masih be-

lum dapat disediakan dalam keadaan tertentu seperti isu logistik.

"Setakat ini, sejumlah RM2 juta peruntukan disalurkan kepada pihak JKM.

"Bekalan makanan *retort* ini mula digunakan di negeri-negeri yang mengalami banjir dalam musim ini.

"Selain itu, bermula MTL musim ini juga, kita melaksanakan penyewaan tandas bergerak untuk kegunaan PPS dengan peruntukan sebanyak RM10 juta," katanya.



TAJUK : LAKSANA PROGRAM BANTU PENERIMA BANTUAN JKM

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 1 DIS 2023

M/SURAT : 19

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

SIDANG DUN MELAKA

Laksana program bantu penerima bantuan JKM

Melaka: Kerajaan negeri Melaka melaksanakan lima program bagi membantu penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di negeri itu keluar garis kemiskinan.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Nordin berkata, antara inisiatif dilaksanakan termasuklah *2 Years Exit Programme (2YEP)* berteraskan keusahawanan bagi menggalakkan penerima berdikari dengan pembabitan secara aktif dalam menjana pendapatan sendiri.

“Berdasarkan statistik JKM Melaka, 310 penerima bantuan menyertai prog-

ram ini dengan peruntukan RM883,500 meliputi modal dan latihan setiap peserta.

“Seramai 270 peserta tamat pemantauan selepas dua tahun diselia pegawai ditetapkan sejak mula dilaksanakan pada 2016,” katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Melaka di Seri Negeri, semalam.

Beliau menjawab soalan **Tuminah Kadi@Mohd Hashim (BN-Pantai Kundor)** yang mahu tahu apakah perancangan kerajaan negeri untuk mengurangkan penerima sumbangan kebajikan dan mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan.



TAJUK : LELAKI TUNJUK ANU DITAHAN POLIS

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 1 DIS 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki tunjuk anu ditahan polis

Putrajaya: Tindakan lelaki menunjukkan kemaluannya di hadapan seorang kanak-kanak perempuan membawa padah apabila dia ditahan polis di pusat pentadbiran kerajaan di sini.


Lelaki yang juga pekerja penghantar barang berusia 32 tahun itu ditahan pada 6 petang di pekarangan Ibu Pejabat Polis (IPD) Putrajaya, Selasa lalu.

Ketua Polis Putrajaya, Asisten Komisioner A Asmadi Abdul Aziz berkata, suspek dipercayai melakukan perbuatan itu di hadapan kanak-kanak terbabit di dalam sebuah lif kuarters kerajaan di Presint 5 di sini.

Menurutnya, laporan polis dibuat oleh ibu mangsa selepas kanak-kanak itu mendakwa lelaki memakai topi keledar, mengganggu dan menunjukkan kemaluan ketika dia berada di dalam lif.

“Siasatan mendapati, kejadian sama turut di kesan di kawasan perumahan yang sama sebelum ini dengan empat laporan polis dibuat membabitkan lima mangsa,” katanya ketika dihubungi semalam.

A Asmadi berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 15A(1) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.



TAJUK : NAFI CABUL 3 MURID

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 1 DIS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Nafi cabul 3 murid

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Guru hadapi 5 pertuduhan amang seksual fizikal

Muar

Seorang guru didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas lima pertuduhan amang seksual fizikal terhadap tiga murid lelaki di perpustakaan sebuah sekolah agama di Tangkak pada 2019 dan 2020.

Mohd Fauzi Musa, 35, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik semua pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa melakukan amang seksual terhadap seorang murid lelaki yang ketika itu berusia 10 tahun dalam perpustakaan sekolah terbabit pada jam 4 petang, 2 Januari 2020.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, tertuduh didakwa melakukan perkara sama terhadap seorang lagi murid lelaki ketika itu berusia 11 tahun, pada Oktober 2019 dan Januari



MOHD Fauzi dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar. - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

2020.

Pertuduhan keempat dan kelima pula, dia sekali lagi melakukan perkara sama terhadap murid lelaki lain yang ketika itu berusia 11 tahun pada jam 3 dan 4 petang antara November 2019 dan 2 Januari 2020 di tempat sama.

Bagi kesemua pertuduhan itu, tertuduh didakwa

mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang dibaca bersama Seksyen 16 (1) akta sama dengan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan.

Manakala hukuman bagi Seksyen 16 akta berkenaan tertuduh boleh dipenjar

lima tahun dan boleh dikenakan sebatan tidak kurang dua kali.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Kes disebut semula pada 16 Januari depan untuk lantikan peguam serta serahan dokumen.



TAJUK : PEMANDU LORI TAK MENGAKU CABUL PELAJAR IPT

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 1 DIS 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



MUHAMMAD Amsyar dihadapkan ke Mahkamah Majistret Seremban atas pertuduhan cabul pelajar IPT. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

Pemandu lori tak mengaku cabul pelajar IPT

Seremban: Pemandu lori dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan mencabul kehormatan penuntut universiti awam, awal November lalu.

Muhammad Amsyar Mohd Ali, 34, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan itu di hadapan Majistret Nurul Saqinah Rosli.

Lelaki berkenaan dituduh menggunakan kekerasan jenayah dengan maksud untuk mencabul kehorma-

tan mangsa berusia 21 tahun di sebuah rumah di Taman Seremban 3 di sini, pada 4 pagi, 6 November 2023.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan, yang sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 10 tahun atau dengan denda atau sebat atau mana-mana dua daripada sek-

saan itu.

Selain itu, tertuduh juga mengaku tidak bersalah atas pertuduhan mencuri telefon bimbit jenis Samsung A71 milik mangsa, dengan kesalahan didakwa mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan.


Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nik Nur Aqilah Syarfa Nik Zaidi. Terda-

hulu, tertuduh memohon jaminan rendah kerana akan dijamin adiknya yang hanya bekerja sebagai pendawai elektrik berpendapatan RM1,500 sebulan, selain perlu menanggung ibu bapa.

Mahkamah menetapkan jaminan RM4,500 bagi kedua-dua pertuduhan dan syarat tambahan, tertuduh tidak dibenar mengganggu mana-mana saksi hingga kes selesai.

Kes disebut semula pada 3 Januari depan.

Mahkamah menetapkan jaminan RM4,500 bagi kedua-dua pertuduhan



TAJUK : WANITA DIPENJARA LAPAN TAHUN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 1 DIS 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kota Bharu: Seorang wanita dipenjarakan lapan tahun di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, selepas mengaku bersalah mendera kanak-kanak perempuan berusia dua tahun enam bulan yang juga anak rakanannya.

Tertuduh, Norhaslina Hassim, 42, mengaku bersalah selepas kertas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli.

Bagaimanapun, adiknya, Nur Intan Baiduri, 32, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa bersama menganiaya mangsa, Nur Malaika Umaira Lee Abdul Qayyum hingga menyebabkan kecederaan fizikal.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah rumah di Taman Jintan Gemilang, Pangkal Changgong, Machang, antara 27 Oktober sehingga 19 November lalu.

Pertuduhan itu didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 31 (1) akta sama dibaca dengan Seksyen 34 Kanun Ke-

DERA ANAK RAKAN

Wanita dipenjarakan lapan tahun

seksaan memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara sehingga 20 tahun atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan fakta kes, polis menerima panggilan dari Hospital Machang memaklumkan seorang kanak-kanak perempuan tidak sedarkan diri jam

1.45 tengah hari pada 19 November lalu.

Susulan itu, polis menahan

dua wanita dan merampas dua telefon bimbit, rotan panjang serta satu penyangkut baju di sebuah rumah.

Siasatan mendapati tertuduh menganiaya serta mengabaikan mangsa.


Mereka memukul mangsa dengan tangan, penyangkut baju dan rotan panjang menyebabkan badan serta kepala kanak-kanak itu cedera.

Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara selama lapan tahun kepada tertuduh pertama yang bermula dari tarikh tangkapan pada 19 November lalu, manakala tertuduh kedua tidak dibenarkan jamin.

Hakim menetapkan 28 Disember depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

NORHASLINA (dua kiri) dan adiknya Nur Intan Baiduri (dua kanan) didakwa di Mahkamah Sesyen Kota Bharu.





| | | | |
|----------|--|-----------|-------------------|
| TAJUK : | TEACHER CLAIMS TRIAL TO MOLESTING 3 STUDENTS | | |
| HARI : | JUMAAT | AKHBAR : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH : | 1 DIS 2023 | M/SURAT : | 08 |
| tone : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

5 COUNTS OF SEXUAL OFFENCES

Teacher claims trial to molesting 3 students

MUAR: A teacher was charged in the Sessions Court here yesterday with five counts of committing physical sexual offences against his students.

The accused, Mohd Fauzi Musa, 35, allegedly committed the acts against three of his male students in the library of a religious school in Tangkak in 2019 and 2020. He pleaded not guilty as all charges were read in front of judge Abu Bakar Manat.

According to the first charge, the accused was alleged to have committed sexual abuse against a male student, who was 10 at the time, in the library at 4pm on Jan 2, 2020.

For the second and third charges, the accused allegedly committed the same act against another male student, who was 11 years old, in October 2019 and January 2020.

As for the fourth and fifth charges, he again committed the same act against a different male student aged 11, between 3pm and 4pm from November 2019 to Jan 2, 2020, with all incidents occurring at the same location.

The charges against the accused were framed under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, together with Section 16(l) of the same act, which carries a penalty

of up to 20 years in prison and caning.

The punishment under Section 16 of the act allows the accused to be imprisoned for five years and may be subjected to caning not less than twice.

The prosecution was conducted by deputy public prosecutor Danial Munir, while the accused was unrepresented.

Earlier, the prosecution requested the court not to grant bail to the accused as the offences involved his students.

However, the accused requested the court to grant the lowest bail amount as he needed to take care of three children aged 1 to 6.



Mohd Fauzi Musa has been directed by the Muar Sessions Court not to contact or disturb the victims until the case is completed. PIC BY ALIAS ABD RANI

The court then allowed RM10,000 bail for all charges.

The court also set two conditions, namely that the accused must report to the Sungai Mati police station every month and must not contact or disturb the

victims until the case is completed.

The case is due for mention again on Jan 16 for the appointment of a lawyer and the submission of prosecution documents.



TAJUK : ABANDONED BABY: COPS CONFIRM ARREST 14-YEAR-OLD GIRL

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 1 DIS 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Abandoned baby: Cops confirm arrest 14-year-old girl

Jeremy Veno

KUCHING: A 14-year-old girl was arrested Wednesday night in connection with the discovery of an abandoned baby girl at Bandar Baru Semariang here earlier the same day.

Kuching police chief ACP Ahsmon Bajah said the teenager was detained at 8pm and will be investigated under Section 317 of the Penal Code.

He did not disclose any further information, citing the sensitivity of the case.

Ahsmon had on Wednesday confirmed that the baby girl, who when found by the members of the public, was in good health.

He said the newborn was sent to Sarawak General Hospital for further medical checks and would be referred to the Welfare Department for further action.

Earlier, a video circulating on




ACP Ahsmon Bajah

social media showed the baby with her umbilical cord still attached being rescued by local residents from what appeared to be an area with secondary jungle.

A woman could be seen wrapping the baby in a towel as several other concerned women gathered around her.

The baby was later brought to an eatery, where the concerned women attempted to make her more comfortable.



TAJUK : KPWKM ADAKAN PROGRAM GALAK RAKYAT BINA KELUARGA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 1 DIS 2023

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

KPWKM adakan program galak rakyat bina keluarga

KEMENTERIAN Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan mengadakan program bagi menggalakkan rakyat khususnya golongan muda berkahwin sekali gus membantu meningkatkan kadar kelahiran.

Menterinya Dato Sri Nancy Shukri berkata pihaknya merancang mengadakan program galakan seumpama itu pada tahun hadapan selepas melihat kadar kelahiran yang rendah tahun lepas, seperti dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

“Insyallah pada tahun hadapan kita (KPWKM) akan mengadakan beberapa program berkaitan (galak orang muda berkahwin), selain kita juga akan mengadakan beberapa perbincangan di semua peringkat supaya menggalakkan masyarakat kita (terutama) orang muda kahwin (awal) bagi mendapat zuriat.

“Tajuga bagi memantapkan institusi keluarga (dan mengurangkan kadar perceraian), kita juga mengadakan bulan keluarga setiap November untuk menggalakkan silaturahim,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan ‘Immersive Winterland’ @ i-City di Shah Alam, kelmarin.



TARIKAN BAHARU: Nancy (kanan) membuat lawatan selepas merasmikan Immersive Winterland di i-City, semalam. — Gambar Bernama

Dalam pada itu, beliau turut menggalakkan kerjasama sektor awam dan swasta bagi memupuk semangat kekeluargaan dalam masyarakat hari ini.

Nancy berkata kerjasama pihak KPWKM dengan i-City sempena program Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), ‘One Shah Alam, One Destination’ dilihat sebagai kerjasama baik apabila rakyat Malaysia boleh menikmati diskaun harga rendah bagi pakej aktiviti yang ditawarkan.

“Ini merupakan satu


daripada kerjasama awam-swasta yang amat bermakna dalam memupuk semangat kekeluargaan dengan tawaran diskaun buat 100,000 keluarga di seluruh Malaysia dan boleh didapati menerusi laman sesawang web i-City mulai 1 Dis 2023 hingga 31 Mac 2024.

“Diskaun harga rendah ini bukan sekadar memberi kelegaan kewangan kepada keluarga pada musim cuti ini, malah diharapkan menjadi antara cara memperkukuh nilai-nilai keluarga dalam masyarakat kita dengan

peluang menyertai aktiviti-aktiviti yang ditawarkan bersama keluarga,” katanya.

Menurut Nancy pembukaan Immersive Winterland @ i-City juga amat sesuai untuk terapi kanak-kanak autisme yang memerlukan perhatian khusus.

Beliau berkata inisiatif i-City melancarkan Immersive Winterland adalah seiring dengan trend semasa yang memanfaatkan teknologi dalam permainan dan pendidikan kanak-kanak. — Bernama



| | | | |
|----------|---|-----------|-------------------------|
| TAJUK : | REMAJA 14 TAHUN DITANGKAP DIPERCAYAI IBU KEPADA BAYI YANG DIJUMPAI DI BBS | | |
| HARI : | JUMAAT | AKHBAR : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH : | 1 DIS 2023 | M/SURAT : | 02 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

Remaja 14 tahun ditangkap dipercayai ibu kepada bayi yang dijumpai di BBS

KUCHING: Seorang remaja perempuan berusia 14 tahun dipercayai ibu kepada bayi yang dijumpai di kawasan perumahan di Bandar Baru Samariang (BBS) kelmarin ditahan untuk siasatan lanjut.

Ketua Polis Daerah Kuching ACP Ahsmon Bajah ber-

kata, suspek ditahan sekitar jam 8 malam kelmarin oleh Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuching.

“Seorang remaja berusia 14 tahun, warga tempatan telah ditangkap pada jam 8 malam semalam (Rabu),” katanya menerusi satu kenyataan,

malam kelmarin.

Tambahnya, siasatan lanjut kes dijalankan di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Kelmarin, penduduk di kawasan perumahan tersebut

telah menjumpai bayi perempuan yang ditinggalkan di kawasan semak.

Bayi tersebut yang masih bertali pusat kemudian diserahkan kepada pihak polis dan seterusnya dihantar ke Hospital Umum Sarawak (HUS) untuk tindakan selanjutnya.